

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.05.2015

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan projek-projek MRT1 dan MRT2 dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mac 2015, status kemajuan projek MRT Laluan 1 yang menghubungkan Sg. Buloh dengan Kajang telah mencapai tahap 62% kemajuan mengikut jadual yang ditetapkan. Fasa 1 projek iaitu dari Sg.Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31

Disember 2016 manakala Fasa 2 projek iaitu dari Semantan ke Kajang dijadual siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017. Bagi projek MRT Laluan 2 yang menghubungkan Sg.Buloh-Serdang-Putrajaya, kerja-kerja di peringkat awal sedang dilaksanakan dan persiapan untuk Pemeriksaan Awam dibawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 sedang dijalankan. Proses Pemeriksaan Awam ini memberi peluang kepada rakyat meneliti cadangan pelan yang meliputi kedudukan jajaran/stesen bagi membolehkan mereka memberi maklum balas secara terus terhadap cadangan projek MRT Laluan 2 ini.

Mengambil kira projek MRT ini merupakan satu projek infrastruktur rel terbesar yang dilaksanakan dan pelaksanaannya begitu rumit dan kompleks serta perlu diuruskan dengan cermat dan berhati-hati, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap masalah yang timbul semasa pembinaan projek MRT Laluan 1. Di antara masalah berkenaan adalah seperti berikut:

1. Kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan pembinaan projek MRT;
2. Bantahan terhadap pengambilan tanah di peringkat pra-pembinaan; dan
3. Kekangan waktu dan ruang untuk melakukan aktiviti pembinaan kerana

projek ini dibina di kawasan yang padat dengan pembangunan.

Bagi memastikan masalah yang dihadapi adalah pada tahap yang minimum, antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan Pelan Pengurusan Trafik yang merangkumi pelbagai langkah termasuk merancang laluan alternatif dan memastikan lencongan jalan mempunyai bilangan lorong yang sama dengan jalan asal. Kerajaan juga sentiasa memaklumkan penutupan jalan raya kepada orang ramai melalui media dan media sosial supaya pengguna jalan raya dapat mengelak kawasan pembinaan;
2. Bagi masalah bantahan pengambilan tanah, selain bayaran pampasan yang munasabah berdasarkan harga pasaran, Kerajaan telah mengambil pendekatan baru untuk lot-lot tanah tertentu di mana struktur MRT dapat berkongsi ruang atau “co-exist” dengan pemilik tanah persendirian. Pendekatan ini telah membolehkan penyelesaian isu pengambilan tanah di Jalan Sultan dan Jalan Inai di mana terowong MRT boleh dibina di bawah tanah yang masih dimiliki oleh pemilik asal; dan
3. Bagi mengatasi masalah kekangan waktu, pihak berkuasa tempatan serta pihak berkuasa yang lain seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia

telah bersetuju untuk membolehkan aktiviti kerja dijalankan selama 24 jam. Walau bagaimanapun, kerja yang dilakukan pada waktu malam hanya dihadkan kepada aktiviti yang tidak mengeluarkan bunyi bising, seperti kerja pemasangan gelang kekotak bersegmen untuk pembinaan jejambat MRT.

Bagi pembinaan projek MRT Laluan 2 pula, sehingga kini tiada masalah yang dihadapi kerana ia masih lagi di peringkat awal perancangan. Walau bagaimanapun, mengambil kira pengalaman yang diperolehi daripada projek MRT Laluan 1 sebelum ini, *standard operating procedure* (SOP) dan langkah-langkah yang perlu diambil telah dikenal pasti dan diperkemaskan lagi.